Sekolah terkesan banjir, jadi PPS teruskan pembelajaran secara PdPR - KPM

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - September 22, 2024 @ 12:08pm
bhnews@bh.com.my



(Gambar fail) Antara sekolah ditenggelami banjir di Kedah. - FOTO BERNAMA

KUALA LUMPUR: Institusi pendidikan bawah Kementerian Pendidikan (KPM) yang terkesan banjir dan dijadikan pusat pemindahan sementara (PPS), akan meneruskan pembelajaran dengan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Bagi tujuan itu, KPM dalam satu kenyataan, hari ini, menjelaskan ia akan membabitkan sama ada semua murid berada di rumah ataupun sebilangan murid tertentu melaksanakan PdPR.

Justeru, menurutnya, pihak sekolah akan memaklumkan perkara berkenaan kepada ibu bapa atau penjaga murid yang terjejas.

"Bagi murid yang berada di PPS premis sekolah, pihak jabatan pendidikan negeri (JPN) serta pejabat pendidikan daerah (PPD) telah menggerakkan *Smart Support Team* (SST/Pasukan Sokongan Pintar) dan *Academic Support Team* (AST/Pasukan Sokongan Akademik) untuk membantu murid dari aspek kaunseling dan pembelajaran," katanya.

Berdasarkan takwim kalendar akademik sesi 2024/2025, tarikh permulaan sesi persekolahan bagi Penggal 2 2024/2025 ialah pada 22 September (hari ini) bagi negeri Kumpulan A dan 23 September (esok) untuk negeri Kumpulan B.

Semalam, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilapor mengarahkan sekolah yang dijadikan PPS, diberi kelonggaran **cuti tambahan** hingga keadaan banjir benar-benar pulih.

Bagaimanapun, Perdana Menteri dipetik berkata, guru terbabit diminta menyediakan bahan pembelajaran untuk pelajar dan kerja rumah yang perlu disiapkan mereka sebelum sekolah kembali dibuka nanti.

Bagi pelajar Tingkatan Lima pula, Anwar berkata, mereka perlu terus hadir ke sekolah kerana terbabit dalam persediaan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menurut KPM, pihaknya mengambil perhatian serius akan keprihatinan dizahirkan Anwar berkaitan situasi banjir di beberapa negeri yang berkemungkinan menjejaskan sesi persekolahan.

Berdasarkan status setakat semalam, katanya, enam institusi pendidikan membabitkan lima sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah masih dilanda banjir di Kedah.

Selain itu, sebanyak 36 institusi pendidikan masih dijadikan PPS membabitkan 20 sekolah sekolah rendah serta 16 sekolah menengah, iaitu 34 di Kedah dan masing-masing satu di Pulau Pinang serta Perak.

"Seramai 1,056 murid KPM masih berada di PPS premis sekolah. Bagaimanapun, Perlis telah pulih sepenuhnya dengan semua PPS premis sekolah ditutup," menurut kenyataan itu lagi.

Susulan itu, katanya, KPM akan terus memantau situasi banjir, bersiap siaga dan memastikan keselamatan serta kesejahteraan murid, guru dan seluruh warganya.